

18 AUG 2003

Abdullah-PAS

STRATEGI BARU PAS HANYA TAKTIK PILIHAN RAYA, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata tindakan PAS menggugurkan soal pelaksanaan negara Islam dan hukum hudud pada pilihan raya akan datang sebagai helah politik semata-mata.

"Itu taktik pilihan raya. Nampak PAS tipulah, dengan orang Melayu dia kata lain, dengan bukan Melayu dia kata lain.

"Dan kerana tidak mahu menyakitkan hati kawan-kawannya di kalangan parti pembangkang, maka PAS telahpun membuat strategi sendiri," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Ke 51 Majlis Kebangsaan Bagi Kerajaan-kerajaan Tempatan, di sini.

Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dilaporkan sebagai berkata partinya tidak lagi akan menjanjikan pelaksanaan hukum hudud dan penubuhan negara Islam dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang kecuali di Kelantan dan Terengganu.

Dalam Amanat Strategi pilihan raya yang bertajuk 'Formula-formula Kemenangan' Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata pengorbanan besar itu perlu demi mengelakkan ia menjadi punca perpecahan dalam barisan pembangkang.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, tindakan parti pembangkang itu juga boleh dilihat sebagai pengakuan ia tidak mampu menubuhkan negara Islam.

Menurutnya, pengisytiharan Malaysia sebuah negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini tidak dibantah parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

"Kawan-kawan kita dalam BN yang mewakili kaum lain, mereka semua tidak membantah kerana negara Islam yang kita hidupkan ini disenangi oleh mereka dan pembangunan yang kita bawa tidak mengetepikan mereka," katanya.

-- BERNAMA

MAM PR